

**NILAI BUDAYA DALAM RITUAL KELAHIRAN
DAN RITUAL KEMATIAN ETNIK BANJAR DI
TAWAU, SABAH**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NURSYAFIQAH BINTI MAHFUDZ

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **NILAI BUDAYA DALAM RITUAL KELAHIRAN DAN RITUAL KEMATIAN ETNIK BANJAR DI TAWAU, SABAH**

IJAZAH: **SARJANA SASTERA**

Saya **NURSYAFIQAH BINTI MAHFUDZ**, Sesi **2013-2018**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

4. Sila tandakan (/):


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



NURSYAFIQAH BINTI MAHFUDZ


MA1221036T

Tarikh : 27 Februari 2018

Disahkan Oleh,

NURULAIN BINTI ISMAIL
PUSTAKAWAN KĀKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(Dr. Paul Porodong)
Penyelia Utama



(Puan Maine Suadik)
Penyelia Bersama

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa hasil karya yang bertajuk *Nilai Budaya Dalam Ritual Kelahiran dan Ritual Kematian Etnik Banjar Di Tawau, Sabah* ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 Mac 2017



Nursyafiqah Binti Mahfudz

MA1221036T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


PENGESAHAN

NAMA : NURSYAFIQAH BINTI MAHFUDZ
NO. MATRIK : MA1221036T
TAJUK : NILAI BUDAYA DALAM RITUAL KELAHIRAN DAN RITUAL KEMATIAN ETNIK BANJAR DI TAWAU, SABAH
IJAZAH : SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL)
TARIKH VIVA : 30 OGOS 2017

DISAHKAN OLEH;

1. PENYELIA UTAMA

Dr. Paul Porodong



Tandatangan

2. PENYELIA BERSAMA

Puan Maine Suadik

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Syukur Kehadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, maka penulisan ini dapat disempurnakan”.

Alhamdulillah bersyukur saya panjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya dapat saya melaksanakan penulisan Sarjana ini dengan jayanya. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga dan ucapan jutaan terima kasih kepada penaja pengajian iaitu MyBrain, bekas penyelia utama akademik saya, Professor Madya Dr.Kntayya A/L Mariappan, penyelia utama Dr.Paul Porodong dan juga penyelia bersama, Puan Maine Suadik yang telah banyak memberikan dorongan kepada saya untuk menghasilkan sebuah penulisan baik di dalam pengajian Sarjana ini. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya yang telah banyak memberikan nasihat bagi meningkatkan motivasi diri saya, memberikan bantuan kewangan dan sentiasa mendoakan kejayaan saya.

Jutaan terima kasih turut diucapkan kepada komuniti etnik Banjar Tawau, yang terdiri daripada sepuluh orang informan berpengalaman menerusi kajian yang saya lakukan ini iaitu “Nilai Budaya Ritual Kelahiran dan Ritual Kematian Etnik Banjar di Tawau, Sabah” atas kerjasama yang telah diberikan sepanjang saya menjalani kajian lapangan. Tidak ketinggalan juga, ucapan jutaan terima kasih terutamanya kepada Encik Badriansyah selaku Ketua Persatuan Banjar di Tawau dan semua kakitangan Persatuan Banjar di Tawau yang banyak memberi tunjuk ajar sepanjang kehadiran saya di dalam komuniti Banjar ini. Akhir sekali, kepada rakan seperjuangan penulis kerana banyak membantu dan memahami keadaan penulis. Mudah-mudahan dengan penulisan ini dapat memberikan manfaat kepada kita semua.

Nursyafiqah Binti Mahfudz,

10 Mac 2017

ABSTRAK

Ritual merupakan tatacara dalam upacara yang diamalkan secara umumnya oleh semua masyarakat di dunia. Tesis yang menggunakan perspektif budaya Banjar ini mempunyai dua tujuan utama. Pertama, memahami amalan dalam proses pelaksanaan adat resam tradisional Banjar dalam ritual kelahiran dan ritual kematian. Kedua, memahami nilai yang telah mendasari amalan-amalan dalam adat resam tradisional komuniti Banjar. Perbincangan ini diasaskan kepada kajian yang dilakukan di Kg. Jawa yang terletak di daerah Tawau, Sabah selama enam bulan pada tahun 2014 yang menggunakan kaedah temubual secara mendalam dengan menggunakan teknik 'snowball sampling' iaitu informan diminta untuk mencadangkan informan lain yang mempunyai maklumat untuk memenuhi objektif kajian iaitu seramai 10 orang informan yang terdiri daripada lelaki dan wanita Banjar telah dipilih. Selain daripada temubual secara mendalam, penyelidik juga turut menggunakan kaedah pemerhatian turut serta bersama dengan temubual informal bagi mendapatkan data yang lebih terperinci. Bagi pengutipan data sekunder pula, ianya melibatkan kajian perpustakaan dengan menggunakan sumber rujukan daripada mana-mana bahan bercetak ataupun bahan elektronik. Hasil daripada kajian ini mendapati terdapat beberapa nilai masyarakat Banjar seperti nilai menghormati, nilai bertanggungjawab, nilai memberi nasihat dan nilai menyayangi telah mempengaruhi amalan di dalam ritual-ritual yang mereka lakukan.

Kata kunci : Etnik Banjar, Ritual, Kelahiran, Kematian, Nilai Budaya



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

Cultural Value In Ritual Of Birth and Ritual of Ethnic Death of Banjar in Tawau, Sabah

Ritual is a procedure in ritual practiced generally by all communities in the world. This thesis has two main objectives. First, Banjar ritual for birth and death. Second, to understand the value system that drives ritual practices in Banjar community. This discussion is based on six month research conducted in Tawau, Sabah in 2014 using in depth interviews. Respondents were selected using 'snowball sampling' were informant was asked to suggest other potential informants. The total number of informants are ten persons which consists of men and woman Banjar. Apart from in-depth interviews, researcher also used participant of observation with informal interviews to obtain more information. The result of this study found that there are several culture values in Banjar society such as respect value, responsible value, advise value, and love value has contributed to the culture value in the practice of rituals they conducted.

Keywords: Ethnic Banjar, Ritual, Birth, Death, Culture Values



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI FOTO	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Soalan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	3
1.5 Skop Kajian	3
1.5.1 Bidang Kajian	3
1.5.2 Lokasi Kajian	4
1.5.3 Populasi Kajian	4

1.6	Metodologi Kajian	4
1.6.1	Pemerhatian Turut Serta	4
1.6.2	Temubual	7
1.6.3	Kajian Perpustakaan	11
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Limitasi Kajian	12
1.9	Kesimpulan	13

BAB 2 : TINJAUAN KONSEP-KONSEP UTAMA, TEORI DAN SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1	Pengenalan	14
2.2	Takrifan Konsep-konsep Utama Kajian	14
2.2.1	Nilai budaya	14
2.2.2	Adat	16
2.2.3	Ritual	17
2.3	Kerangka Teoritikal	19
2.3.1	Teori fungsionalisme struktur	19
2.3.2	Teori interaksi simbolik	21
2.4	Sorotan Kajian Lepas	24
2.4.1	Nilai budaya sebagai dasar amalan adat resam	24
2.4.2	Adat dan ritual kelahiran	27
2.4.3	Adat dan ritual kematian	31
2.5	Kesimpulan	37

BAB 3 : LATAR BELAKANG DAN ORGANISASI SOSIAL ETNIK BANJAR

3.1	Pengenalan	38
3.2	Latar belakang etnik Banjar	38
3.3	Latar belakang tempat kajian	42
3.4	Organisasi sosial	43
3.4.1	Suku dan bahasa Banjar	43
3.4.2	<i>Urang</i> Banjar dan kosmologi Nur Muhammad	45
3.4.3	Sistem kekerabatan	51
3.4.4	Sistem pewarisan	62
3.4.5	Rumah adat Banjar	64
3.4.6	Sumber ekonomi	66
3.5	Kesimpulan	72

BAB 4 : AMALAN ADAT RESAM DALAM RITUAL KELAHIRAN DAN RITUAL KEMATIAN ETNIK BANJAR

4.1	Pengenalan	73
4.2	Kelahiran	73
4.2.1	Melenggang Perut	74
4.2.2	Melahirkan Anak	81
4.2.3	Berpantang	83
4.2.4	Menanam Uri	86
4.2.5	Bercukur	92
4.2.6	Berendul	97
4.3	Kematian	101
4.3.1	<i>Menunggu orang mati</i> (Menunggu jenazah)	101
4.3.2	Memberitahu tentang kematian	103

4.3.3	Menguruskan jenazah	105
a.	Memandikan mayat	106
b.	Mengapankan mayat	108
c.	Menyembahyangkan mayat	109
d.	Menghantar mayat	111
e.	Menguburkan mayat	112
f.	Mentalkinkan mayat	114
4.3.4	<i>Baaruh</i> (Kenduri arwah)	117
4.4	Kesimpulan	120

BAB 5 : NILAI BUDAYA YANG MENDASARI RITUAL KELAHIRAN DAN RITUAL KEMATIAN ETNIK BANJAR

5.1	Pengenalan	121
5.2	Nilai Budaya yang Mendasari Ritual Kelahiran dan Ritual Kematian	121
5.2.1	Menghormati	121
5.2.2	Bertanggungjawab	124
5.2.3	Memberi nasihat	126
5.2.4	Menyayangi	129

BAB 6 : KESIMPULAN

6.1	Pengenalan	132
6.2	Ritual dan Nilai dalam Masyarakat Banjar	132
6.3	Cadangan	
6.3.1	Mengekalkan amalan adat resam	134
6.3.2	Pendidikan tidak formal khusus kepada masyarakat	135

6.4	Kesimpulan	135
	BIBLIOGRAFI	136
	LAMPIRAN	142



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 3.1 : Bilangan penduduk etnik Banjar di Kg. Jawa, Tawau 43



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 3.1	: Kelompok ' <i>Mamarina</i> ' (Saudara Uma / Abah)	52
Rajah 3.2	: Kelompok ' <i>Dangsanak</i> ' (Saudara Kandung)	53
Rajah 3.3	: Pola umum Rumah Banjar	66



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

		Muka Surat
Foto 1.1	Temubual	7
Foto 1.2	Pemerhatian turut serta	10
Foto 3.1	Peta lokasi etnik Banjar di Secanggang, Langkat	39
Foto 3.2	Peta lokasi Kampung Jawa Lanut di Tawau	42
Foto 3.3	Air mandian	48
Foto 3.4	Kelengkapan peralatan ketika ritual kelahiran dalam berkhatan	48
Foto 3.5	Selepas <i>basunat</i>	49
Foto 3.6	<i>Basasuluh</i>	55
Foto 3.7	<i>Baantar jujuran</i>	56
Foto 3.8	<i>Badudus atau bepapai</i>	58
Foto 3.9	<i>Betimung</i>	58
Foto 3.10	<i>Bekasam bidak</i>	59
Foto 3.11	Alat kelengkapan ketika perkahwinan	60
Foto 3.12	<i>Pedaringan</i>	61
Foto 3.13	Rumah Etnik Banjar di Tawau, Sabah	65
Foto 3.14	Tajak bulan	67
Foto 3.15	Lunta / jala	68
Foto 3.16	Bubu / Lukah	68
Foto 3.17	<i>Pangilar</i> Alat Penangkap Khas Ikan Sepat	68
Foto 3.18	Cara mengawetkan ikan	70
Foto 3.19	Ikan yang telah diawet	70
Foto 3.20	Bakul <i>pabarasan</i>	71
Foto 3.21	Lanjung	71

Foto 3.22	Seorang wanita <i>bibinik</i> Banjar	78
Foto 4.1	Bahan-bahan melenggang perut	75
Foto 4.2	Tepak sirih bagi menjemput bidan	76
Foto 4.3	Bidan membaca doa sebelum memulakan ritual	77
Foto 4.4	Si ibu diberi makan sirih semangat	78
Foto 4.5	Si ibu baring menghadap kiblat	79
Foto 4.6	Bidan ' <i>mengibas</i> ' kain ke kiri dan kanan	80
Foto 4.7	Urutan selepas bersalin	86
Foto 4.8	Bahan-bahan semasa berpantang	86
Foto 4.9	Alat yang digunakan untuk menyuci uri	98
Foto 4.10	Cara menyuci uri	89
Foto 4.11	Uri ditanam di hadapan halaman rumah	91
Foto 4.12	Kelengkapan alat dalam adat bercukur dan bayi dicukur rambut semasa ritual	95
Foto 4.13	Buaian yang telah siap dihiasi	97
Foto 4.14	Upacara menjejak tanah	99
Foto 4.15	Tabuh	104
Foto 4.16	Batu nisan bagi jenazah lelaki dan jenazah wanita	113
Foto 4.17	<i>Apam Surabi</i>	118

SENARAI SINGKATAN

KG	Kampung
SWT	Suhanahu Wa Ta'ala
SAW	Sallallahu Alaihi Wassalam
R.A	Radi Allahu Anhu



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

Lampiran A	: Soalan Temubual Kajian	142
Lampiran B	: Latar Belakang Informan Kajian	143



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Keunikan budaya dalam setiap etnik dapat dilihat menerusi pengamalan kebudayaan yang berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Hal yang demikian kerana, kebudayaan dan adat resam yang diamalkan dalam mana-mana masyarakat adalah merupakan suatu lambang, identiti, keunggulan dan juga menjadi medium perpaduan kepada masyarakat tersebut. Setiap masyarakat mempunyai kebudayaan walaupun ianya bersifat sederhana dan setiap manusia adalah makhluk yang berbudaya apabila mengambil bahagian atau turut serta dalam sesuatu kebudayaan. Berdasarkan kepada penulisan ini, ritual kelahiran dan ritual kematian adalah merupakan salah satu adat resam yang secara umumnya diamalkan dalam semua masyarakat di dunia. Bagi setiap masyarakat, ianya mempunyai cara pelaksanaan ritual kelahiran dan ritual kematian mereka yang tersendiri. Seperti mana kehidupan masyarakat lain, suku kaum Banjar di Tawau juga mempunyai amalan mereka yang tersendiri dalam menjalankan ritual-ritual bagi suku kaum mereka (Dian Ratnasari, 2014).

Menerusi kajian ini, penyelidik telah menggunakan pendekatan etnografi yang mana ianya melibatkan kepada kaedah temubual secara mendalam ke atas informan kajian. Selain daripada itu, kaedah pemerhatian turut serta juga digunakan di dalam mendapatkan data kajian bersama-sama dengan temubual secara informal. Ritual kelahiran dan ritual kematian bagi etnik Banjar ini telah dilakukan ke atas penduduk Banjar yang mendiami penempatan di Kampung Jawa, Tawau. Informan yang terlibat semasa kajian ini dilakukan adalah daripada ketua kampung bagi kawasan tersebut iaitu Encik Poniman Bin Salleh, penduduk

Kampung Jawa iaitu Puan Esah, Encik Badrianshah selaku ketua bagi persatuan Banjar di daerah Tawau, Puan Jainab, Puan Rosiah, Puan Radiah, Puan Ermas, Puan Arwati, Puan Kurnia, Encik Alimudin dan Puan Ramliah.

1.2 Permasalahan Kajian

Kepercayaan bagi masyarakat Banjar adalah bersumberkan kepada ajaran agama Islam. Ianya jelas tergambar berdasarkan kepada rukun iman yang mana diperolehi daripada para alim ulama dalam kalangan masyarakat tersebut.

Realitinya, pada masa kini masyarakat Banjar masih lagi mengamalkan ritual-ritual pra Islam yang mana ianya berdasarkan kepada cara-cara praktikal keagamaan yang dianuti oleh nenek-nenek moyang masyarakat Banjar beserta dengan adanya kepercayaan terhadap makhluk-makhluk ghaib yang ada di sekeliling mereka. Bagi wanita yang hamil buat pertama kalinya (*tian mandaring*) harus melakukan mandi hamil kerana jika tidak *dipingit* ianya akan menyebabkan si bayi akan mengalami proses kelewatan untuk dilahirkan. Dalam kehidupan masyarakat Banjar yang masih terikat akan tradisi lama, apabila seseorang wanita yang sedang hamil pertama kalinya, ketika usia kehamilan mencapai tujuh bulan maka akan diadakan suatu upacara dengan maksud atau tujuan utama untuk menolak bala dan untuk mendapatkan perlindungan keselamatan diri bagi wanita hamil serta keselamatan bagi seluruh keluarganya. Hal yang demikian kerana, menurut kepercayaan etnik ini, bagi wanita yang sedang hamil lebih cenderung diganggu oleh makhluk-makhluk ghaib. Bagi kaum wanita dalam masyarakat Banjar Hulu Sungai khususnya, mereka menganggap bahawa angka ganjil seperti tiga, tujuh, dan sembilan dalam usia kehamilan adalah merupakan saat-saat genting untuk bertarung nyawa mereka demi bayi yang dikandunginya (Beranda: 1981). Menerusi ritual kematian pula, masyarakat Banjar di Kalimantan Selatan ada yang mempersiapkan piring dan gelas minuman untuk dihadiahkan kepada orang yang telah membantu dalam pelaksanaan upacara kematian ini. Dalam proses ini, masyarakat Banjar terikat dengan tradisi lama yang mana menurut mereka perbuatan menghadiahkan piring dan juga gelas minum tersebut adalah supaya si mati dapat menggunakannya di alam yang lain. Amalan ini diamalkan oleh orang

Banjar agar kelak setelah ia meninggalkan dunia akan selamat daripada siksa api neraka dan mendapat kebahagiaan di sisi Tuhan (Alfani Daud, 1997).

Melalui keadaan ini, ianya menjadi unik dan menarik untuk dikaji kerana masyarakat Banjar ini mempunyai dua pendekatan nilai budaya iaitu secara pra Islam dan mengikuti ajaran Islam dalam menjalani kehidupan berkaitan dengan adat resam bagi ritual-ritual yang mereka lakukan.

Sehubungan itu, menerusi kepada kajian yang berkaitan dengan masyarakat Banjar ini, ia bertujuan untuk memahami amalan dalam proses pelaksanaan adat resam tradisional melalui ritual kelahiran dan ritual kematian selain memahami nilai budaya yang mendasari amalan-amalan tersebut.

1.3 Soalan Kajian

Kajian ini telah dilakukan untuk menjawab persoalan berikut iaitu;

- i. Apakah amalan dalam proses pelaksanaan adat resam tradisional Banjar bagi ritual kelahiran dan ritual kematian?
- ii. Apakah nilai budaya yang telah mendasari amalan-amalan dalam adat resam tradisional komuniti Banjar?

1.4 Objektif Kajian

- i. Memahami amalan dalam proses pelaksanaan adat resam tradisional Banjar dalam ritual kelahiran dan ritual kematian.
- ii. Memahami nilai budaya yang telah mendasari amalan-amalan dalam adat resam tradisional komuniti Banjar.

1.5 Skop Kajian

1.5.1 Bidang Kajian

Bidang kajian adalah lebih bersifat antropologi yang mana menerusi kajian ini lebih memberi fokus kepada ritual kelahiran dan ritual kematian yang berlaku di dalam etnik Banjar dalam aspek pra Islam berdasarkan kepada cara praktikal nenek moyang berserta dengan kepercayaan terhadap makhluk ghaib. Dalam erti kata lain, pengkaji ingin meneliti tahap pertama iaitu kelahiran, ianya bermula seawal

usia kandungan tujuh bulan bagi wanita hamil sehingga selepas wanita hamil melahirkan anak dalam usia lima bulan dan seterusnya penelitian juga dibuat di dalam ritual kematian bagi etnik Banjar yang bermula dari hari pertama si mati meninggal dunia sehingga kepada 100 hari selepas jenazah dikebumikan.

1.5.2 Lokasi Kajian

Fokus kajian ini adalah kepada komuniti Banjar yang berada di Sabah khususnya bagi daerah Tawau. Penyelidik telah memilih Kampung Jawa sebagai tempat kajian kerana populasi orang Banjar adalah paling ramai bertumpu di kawasan tersebut. Selain daripada itu, kawasan perkampungan ini juga dijadikan sebagai kawasan kajian disebabkan oleh bilangan minoriti populasi orang Banjar yang terdapat di kawasan tersebut lebih dominan mengamalkan ritual dari fasa kelahiran sehingga kepada fasa kematian jika dibandingkan dengan komuniti Banjar yang berada di kawasan lain. Terdapat dua kriteria utama yang diambil kira oleh penyelidik dalam membuat pemilihan lokasi. Pertama, kampung yang dipilih sebagai lokasi kajian ialah kampung yang dihuni oleh etnik Banjar. Kedua, sesebuah kampung yang bakal dipilih harus mempunyai informan yang arif dalam soal adat dan budaya masyarakat Banjar.

1.5.3 Populasi Kajian

Kampung Jawa merupakan perkampungan yang dihuni oleh minoriti etnik Banjar iaitu seramai 658 jumlah orang penduduk. Berdasarkan kepada jumlah penduduk tersebut, terdapat 121 jumlah bilangan keluarga bagi setiap rumah yang mana terdiri daripada 309 orang bagi lelaki dan 349 bagi wanita (Poniman, temubual pada 20 Oktober 2014).

1.6 Metodologi Kajian

Kajian ritual kelahiran dan kematian masyarakat Banjar ini telah menggunakan data primer dan juga data sekunder. Melalui data primer, ianya terdiri daripada kaedah temubual secara mendalam, temubual informal, dan juga pemerhatian turut serta manakala bagi data sekunder pula ianya meliputi kajian perpustakaan.

1.6.1 Pemerhatian Turut Serta

Bagi Sabitha Marican (2005), pemerhatian turut serta pula bermaksud penyelidik akan melibatkan diri dalam cara yang tidak mengganggu proses yang hendak dikaji, individu atau apa sahaja yang hendak dikaji. Meninjau maklumat awal secara tidak sistematik dengan menggunakan cara pemerhatian turut serta telah menjadi asas untuk menghalusi teknik-teknik penyelidikan. Data awal daripada pemerhatian turut serta dapat memberikan maklumat dan petunjuk yang penting kepada penyelidik bagi membentuk soalan temubual, ujian psikologi, atau alat penyelidikan lain yang lebih khusus.

Pemerhatian turut serta juga memberikan kesempatan untuk menyemak dan menyusun maklumat di tempat kajian yang diperlukan untuk menilai data yang telah dipungut melalui teknik yang khusus. Susunan waktu bagi sesuatu projek luar selalunya mengandungi hubungan timbal balik di antara pemerhatian turut serta dan cara pemungutan data yang lain. Kajian luar memerlukan lebih dari setakat berada di tempat kajian dan secara pasif memerhatikan anggota-anggota masyarakat itu. Kerapkali dalam usaha memerhatikan sesuatu pola tingkah laku atau sesuatu kejadian, penyelidik hendaklah mencari lebih banyak lagi maklumat tentang kejadian itu yang boleh diperhatikan secara langsung (Abdullah Taib. ed, 1989).

Setiap ahli antropologi, perlu mengetahui kekuatan dan juga kelemahannya dalam membuat pemerhatian. Seseorang penyelidik hendaklah melatih diri dalam membuat pemerhatian dan merekodkan kejadian sehingga dapat mengesan bias dalam pemerhatian dan seterusnya dapat membentuk teknik-teknik yang sistematik untuk mengingatkannya kembali. Tabiat pemerhatian turut serta berhubung rapat dengan orientasi teorinya. Bagi seorang ahli antropologi yang dilatih dengan teori ekologi sudah tentu melihat sesuatu pesta atau upacara dengan cara yang berbeza daripada seorang ahli antropologi yang cenderung terhadap proses-proses analisis simbolik (Abdullah Taib. ed, 1989).

Untuk mendapatkan maklumat ini, penyelidik telah berada di kawasan kajian selama enam bulan dengan memerhatikan gerak kerja dan tingkah laku secara langsung amalan budaya adat resam dalam ritual kelahiran dan ritual kematian yang dilakukan oleh informan (komuniti etnik Banjar). Dalam kaedah ini, pemerhatian dilakukan terhadap amalan dalam proses pelaksanaan adat resam ritual kelahiran dan ritual kematian yang dilakukan oleh komuniti Banjar di Kampung Jawa. Penyelidik akan mencatatkan segala apa yang dilakukan oleh informan sama ada cara informan menyediakan peralatan ritual, pembacaan jampi sebagai doa sebelum memulakan ritual dan amalan-amalan yang mereka lakukan dalam ritual.

Antara kelebihan yang boleh didapati melalui kaedah ini adalah penyelidik dapat melihat tingkah laku dan juga aktiviti ritual komuniti etnik Banjar secara semulajadi dan tanpa paksaan oleh mana-mana pihak. Hal ini menyebabkan data-data yang diperolehi ini didapati secara semulajadi dan natural.

Walaupun demikian, terdapat juga kelemahan dengan menggunakan kaedah ini yang mana kadangkala senarai pemerhatian ini memaksa penyelidik untuk memerhati terlalu banyak perlakuan dalam proses amalan ritual tersebut dilakukan sehinggakan ianya penyelidik terpaksa menilai terlalu banyak amalan adat resam dalam ritual kelahiran dan ritual kematian pada satu-satu masa. Oleh itu, pemerhatian ini perlu dibuat secara ringkas supaya ianya boleh dilakukan dengan sempurna.